



POLISI ANTI RASUAH DAN PENYELEWENGAN



Tahun 2018
©Hak cipta
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, FELDA

Hak cipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Unit Integriti,
Tingkat 34, Menara FELDA,
Platinum Park.
No.11 Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
	Kenyataan Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan	2
1.	Pengenalan	3
2.	Objektif	3
3.	Pemakaian Polisi	4
4.	Definisi	5
5.	Pegawai Badan Awam	6
6.	Kesalahan Berkaitan Rasuah	7
6.1	Menawar / Memberi / Meminta / Menerima Rasuah	7
6.2	Percanggahan Kepentingan	8
6.3	Salah Guna Kuasa	9
6.4	Penarikan Balik Tender	10
7.	Kesalahan Berkaitan Penyelewengan	11
7.1	Penipuan Bidaan	11
7.2	Tuntutan Palsu	12
7.3	Pecah Amanah Jenayah	13
7.4	Menyalahgunakan Harta Secara Tidak Jujur	15
7.5	Pemalsuan	16
7.6	Penipuan	17
7.7	Pemusnahan Keterangan dan Dokumen	19
7.8	Pendedahan Maklumat	20
7.9	Persubahatan	21
8.	Peraturan Berkaitan Hadiah	22
9.	Peraturan Berkaitan Keraian dan Hiburan	22
10.	Peraturan Berkaitan Permohonan Tajaan Atau Sumbangan Oleh Kelab Sukan	23
11.	Liabiliti	23
11.1	Gagal Melapor Kesalahan Rasuah	23
11.2	Pemilikan Harta Berlebih-Lebihan	24
11.3	Penyitaan dan Pelucuthakan Harta	24
11.4	Kesalahan Di Luar Malaysia	24
11.5	Liabiliti Korporat (<i>Corporate Liability</i>)	25
12.	Panduan Apabila Berhadapan Dengan Isu Rasuah Dan Penyelewengan	25
12.1	Tolak	25
12.2	Lapor	25
12.3	Diam	26
13.	Penutup	27



KENYATAAN POLISI ANTI RASUAH DAN PENYELEWENGAN

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) komited untuk memastikan segala perkhidmatan dan urusan operasi termasuk urusan perniagaan dilaksanakan secara beretika, profesional dan berlandaskan undang-undang serta peraturan demi menginstitusikan standard integriti tinggi dan governans terbaik seiring dengan Visi dan Misi FELDA. Komitmen FELDA untuk menjadikan integriti sebagai satu prinsip dan budaya telah digariskan melalui nilai teras utama iaitu MIGHT (Menambah nilai, Integriti, Gagah, Hormat dan Tolong-Menolong).

Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA ini disediakan sebagai satu dari inisiatif untuk menjadikan FELDA terulung dalam standard integriti dan governans terbaik. Oleh itu, FELDA tidak akan berkompromi dalam sebarang bentuk salah laku RASUAH dan PENYELEWENGAN sama ada secara langsung atau tidak langsung yang boleh memberikan risiko undang-undang serta menjejaskan imej dan reputasi FELDA.

Semua petugas, Ahli Lembaga, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan perlu memahami dan mematuhi polisi ini. Pelanggaran kepada polisi ini membolehkan tindakan undang-undang dan/atau tata tertib dikenakan kepada mereka yang terlibat.

Kejayaan FELDA untuk membanteras gejala rasuah dan penyelewengan di dalam FELDA memerlukan komitmen dan peranan semua pihak. Sekiranya terdapat mana-mana individu yang disyaki melakukan rasuah atau penyelewengan, aduan boleh dibuat berdasarkan polisi yang telah ditetapkan oleh FELDA supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

“FELDA TANPA RASUAH”

DATO' DR. OTHMAN HAJI OMAR
PENGARAH BESAR
FELDA

26 NOVEMBER 2018

1. PENGENALAN

- 1.1 Perlakuan rasuah dan penyelewengan menyumbang kepada ketirisan dan pembaziran di dalam sesebuah organisasi. Ia juga turut menyebabkan reputasi organisasi terjejas dan membawa kepada risiko implikasi undang-undang bukan sahaja kepada pelaku-pelaku rasuah dan penyelewengan malahan kepada organisasi itu sendiri.
- 1.2 Sebagai sebuah organisasi yang menjadi pemacu pembangunan penempatan negara yang progresif, FELDA meletakkan integriti sebagai satu daripada nilai teras utama dalam semua urusan operasinya. Amalan integriti dan governans terbaik di samping kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan merupakan benteng yang akan memastikan perlakuan rasuah dan penyelewengan dapat dihindari dari meresap ke dalam budaya organisasi.
- 1.3 Oleh yang demikian, Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA ini disediakan sebagai panduan kepada semua petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan FELDA untuk mengetahui dan memahami kesalahan-kesalahan rasuah dan penyelewengan serta seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Objektif Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA adalah seperti berikut:
 - 2.1.1 Menggariskan kesalahan-kesalahan rasuah dan penyelewengan yang ditegah oleh undang-undang dan peraturan-peraturan.
 - 2.1.2 Memberi kefahaman dan rujukan mengenai kesalahan rasuah dan penyelewengan melalui huraian definisi serta contoh-contoh situasi;
 - 2.1.3 Memberi panduan tentang tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah dan penyelewengan; dan
 - 2.1.4 Sebagai satu mekanisme pencegahan bagi mengenal pasti, memahami dan menghindari perlakuan rasuah dan penyelewengan.

3. PEMAKAIAN POLISI

- 3.1 Polisi ini terpakai kepada semua petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan FELDA.
- 3.2 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605); Kod Etika dan Tatalaku Petugas FELDA; dan mana-mana polisi, peraturan dan prosedur FELDA yang sedang diguna pakai serta undang-undang di Malaysia seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); Kanun Keseksaan (Akta 574); Akta Syarikat 2016 (Akta 777); Akta Persaingan 2010 (Akta 712); dan lain-lain yang berkaitan.
- 3.3 Semua kesalahan rasuah dan penyelewengan serta peraturan dan liabiliti yang dinyatakan di dalam Polisi ini adalah merupakan kesalahan yang ditegah di bawah undang-undang dan peraturan Kerajaan dan FELDA. Semua individu adalah dilarang melakukan atau terlibat dengan kesalahan-kesalahan tersebut. Sebarang perlakuan rasuah dan penyelewengan serta kegagalan mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam Polisi ini boleh menyebabkan mana-mana individu diambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang dan tata tertib.
- 3.4 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme polisi anti rasuah dan penyelewengan yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam FELDA hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada Polisi ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, Polisi ini akan diguna pakai.

4. DEFINISI

4.1 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

Agensi penguat kuasa undang-undang	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
Ahli Lembaga Pengarah FELDA	Seseorang yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELDA dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik sebagai Ahli dalam mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah FELDA.
Individu	Individu dalam Polisi ini merujuk kepada petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan FELDA.
Pegawai badan awam	Tafsiran pegawai badan awam adalah sepertimana huraian di para 5 Polisi ini.
Petugas FELDA	Seseorang yang dilantik bekerja untuk FELDA secara tetap, sementara atau kontrak.
Pihak berkepentingan dalam FELDA	Organisasi yang ditubuh oleh FELDA seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan, Persatuan dan Kesatuan Sekerja, termasuklah petugas dan Ahli Lembaga Pengarahnya.
Polisi	Merujuk kepada Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan ini.
Rakan perniagaan	Pembekal, kontraktor, juru perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan FELDA dan pihak berkepentingan dalam FELDA.
Saudara	Tafsiran Saudara adalah sepertimana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Sekutu	Tafsiran Sekutu adalah sepertimana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Tindakan yang memudaratkan	Tafsiran tindakan yang memudaratkan adalah sepertimana maksud di dalam Polisi Pemberi Maklumat FELDA.

5. PEGAWAI BADAN AWAM

5.1 Menurut Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), pihak-pihak berikut adalah ditakrifkan sebagai badan awam:

5.1.1 sesuatu pihak berkuasa berkanun;

5.1.2 mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah sub seksyen 7 (1) Akta Pertubuhan 1966;

5.1.3 mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576);

5.1.4 mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993 (Akta 502);

5.1.5 mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262);

5.1.6 mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668); dan

5.1.7 mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau dalamnya mana-mana badan awam yang disebutkan seperti di atas mempunyai kawalan atau kepentingan.

5.2 Berdasarkan kepada perkara di atas, petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA dan pihak berkepentingan dalam FELDA adalah disifatkan sebagai pegawai badan awam mengikut tafsiran Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).


5.3 Oleh yang demikian, mana-mana individu yang ditakrifkan sebagai pegawai badan awam boleh diambil tindakan atas kesalahan-kesalahan khusus yang diperuntukkan kepada penjawat awam di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

6. KESALAHAN BERKAITAN RASUAH

6.1 Menawar / Memberi / Meminta / Menerima Rasuah

6.1.1 Huraian: Rasuah melibatkan perbuatan sama ada menawar, memberi, meminta atau menerima suatu manfaat seperti wang, hadiah, barang berharga, perkhidmatan dan sebagainya sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang ada kaitan dengan bidang tugas seseorang individu tersebut.

6.1.2 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:

Seorang individu menerima wang tunai berjumlah RM5,000 daripada syarikat kontraktor bagi mempercepatkan pembayaran tuntutan kerja kontrak yang dibuat oleh syarikat tersebut.



Contoh 2:

Seorang pemilik syarikat pembekal menawarkan pakej percutian ke luar negara yang bernilai RM15,000 kepada seorang individu supaya meluluskan kontrak bekalan kepada syarikat tersebut.

6.1.3 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi	Seksyen 16 dan 17 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
Penjara sehingga 3 tahun atau denda atau kedua-duanya	Seksyen 161 Kanun Keseksaan (Akta 574)
Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya	Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574)


Hukuman	Akta
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2)(a), (b), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>
Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak	<i>Manual Perolehan FELDA</i>

6.2 Percanggahan Kepentingan

6.2.1 Huraian: Percanggahan kepentingan melibatkan konflik antara kepentingan peribadi seseorang individu dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas beliau.

6.2.2 Perkara-perkara yang termasuk dalam kepentingan peribadi ialah kepentingan diri sendiri, saudara dan sekutu.

6.2.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:




6.2.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi	Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
Penjara tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi RM3 juta atau kedua-duanya	Seksyen 221 Akta Syarikat 2016 (Akta 777)
Amaran sehingga buang kerja	Peraturan 3(2)(a), (b), (c)(i), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

6.3 Salah Guna Kuasa

6.3.1 Huraian: Salah guna kuasa berlaku apabila seseorang individu menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

6.3.2 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Seorang individu yang dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Tender telah terlibat dalam membuat keputusan yang meluluskan suatu tender membina dewan yang berjumlah RM800,000 kepada syarikat yang dimiliki oleh sepupunya.



Contoh 2:
Seorang individu telah meluluskan satu kontrak penyewaan bangunan yang dimiliki oleh bapa mertuanya.

6.3.3 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi	<i>Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)</i>
Penjara tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi RM3 juta atau kedua-duanya	<i>Seksyen 222 Akta Syarikat 2016 (Akta 777)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2)(a), (b), (c)(i), (c)(ii), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>

6.4 Penarikan Balik Tender

6.4.1 Huraian: Seorang individu menawarkan rasuah kepada mana-mana syarikat yang telah memasuki tender untuk menarik balik tender tersebut supaya syarikatnya mendapat peluang lebih tinggi bagi mendapatkan tender itu.

6.4.2 Penarikan balik tender juga berlaku apabila syarikat yang telah memasuki tender meminta atau menerima rasuah daripada mana-mana pihak bagi menarik balik tender yang dimasukinya bagi memberi peluang lebih tinggi kepada pihak tersebut mendapatkan tender itu.

6.4.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah menawarkan rasuah RM100,000 setiap satu kepada tiga syarikat kontraktor lain untuk menarik balik tender kerja membina dewan yang telah dimasuki oleh ketiga-tiga syarikat itu bagi membolehkan syarikat ABC Sdn. Bhd. berpeluang mendapat kontrak tender berkenaan.

Contoh 2:

Dua buah syarikat pembekal telah meminta rasuah RM10,000 setiap satu daripada sebuah syarikat untuk menarik balik sebut harga bagi kerja pembekalan benih tanaman yang telah dimasuki oleh syarikat-syarikat itu bagi memberi peluang kepada syarikat tersebut mendapat kontrak kerja berkenaan.



6.4.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi	<i>Seksyen 20 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)</i>
Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak	<i>Manual Perolehan FELDA</i>


7. KESALAHAN BERKAITAN PENYELEWENGAN

7.1 Penipuan Bidaan

7.1.1 Huraian: Penipuan bidaan berlaku apabila dua atau lebih syarikat atau individu berpakat dalam menetapkan harga bidaan tender atau sebut harga dan bersetuju sesama mereka dalam menentukan siapakah yang akan berjaya dalam bidaan tersebut.

7.1.2 Penipuan bidaan juga berlaku apabila syarikat atau individu menggunakan syarikat-syarikat lain dalam mengemukakan tender atau sebut harga.

7.1.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Sebuah syarikat TUV Sdn. Bhd. telah berpakat dengan tiga syarikat lain untuk memasuki tender membekalkan komputer. Dalam pakatan ini telah ditentukan syarikat TUV Sdn. Bhd. akan membuat bidaan pada harga yang rendah dengan spesifikasi yang baik berbanding tiga syarikat yang lain bagi memastikan syarikat pembekal itu berjaya dalam bidaan tender ini.



Contoh 2:
Syarikat DEF Sdn. Bhd. telah mengemukakan 3 sebut harga pembaikan pejabat di mana kesemua syarikat tersebut merupakan syarikat milik rakan dan ahli keluarganya.


7.1.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Penalti kewangan tidak melebihi 10% daripada pusing ganti (<i>turnover</i>)	<i>Seksyen 4(2)(d) Akta Persaingan 2010 (Akta 712)</i>
Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak	<i>Manual Perolehan FELDA</i>


7.2 Tuntutan Palsu

7.2.1 Huraian: Tuntutan palsu berlaku apabila seseorang individu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan jabatan / majikan (prinsipal).

7.2.2 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Syarikat pembekal yang dilantik telah menghantar barang tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti seperti yang dinyatakan dalam kontrak bekalan. Seorang individu pula telah bersubahat dengan mengesahkan barang-barang itu diterima sepenuhnya walaupun mengetahui perkara tersebut adalah tidak benar.



Contoh 2:
Seorang individu telah mengemukakan tuntutan elaun makan kepada ketuanya berhubung suatu program kemasyarakatan yang dihadiri olehnya sedangkan program tersebut menyediakan makanan untuk semua peserta.

7.2.3 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:


Hukuman	Akta
Penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000 mengikut mana yang tinggi	<i>Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>
Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak	<i>Manual Perolehan FELDA</i>

7.3 Pecah Amanah Jenayah

7.3.1 Huraian: Pecah amanah jenayah berlaku apabila seseorang individu yang diamanahkan dengan sesuatu harta telah secara tidak jujur menyalahgunakan atau menjadikan harta tersebut sebagai kegunaan diri sendiri.


7.3.2 Pecah amanah jenayah juga berlaku apabila seseorang individu yang diamanahkan untuk mengawal, menjaga, mengurus, mentadbir atau mengendali sesuatu harta telah secara tidak jujur mengguna atau melepaskan harta tersebut secara bertentangan dengan mana-mana arahan undang-undang yang menetapkan kaedah bagaimana harta itu sepatutnya digunakan atau dilepaskan.

7.3.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Seorang individu yang dilantik sebagai pegawai pembayar telah menerima wang sebanyak RM300,000 untuk dibayar kepada peneroka-peneroka. Bagaimanapun, individu tersebut telah membayar kepada setiap seorang peneroka kurang RM100 daripada jumlah yang sepatutnya dan mengambil wang itu untuk kegunaannya.

Contoh 2:
Pengerusi sebuah pertubuhan telah meluluskan pembayaran sebanyak RM1,000,000 untuk suatu pelaburan tanpa mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli lembaga pengarah pertubuhan tersebut sepertimana yang ditetapkan dalam peraturan pertubuhan itu.



7.3.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Penjara tidak melebihi 10 tahun dan sebatan dan denda	<i>Seksyen 405 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan sebatan dan denda	<i>Seksyen 407 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 14 tahun dan sebatan dan denda	<i>Seksyen 408 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>

Hukuman	Akta
Penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan sebatan dan denda	<i>Seksyen 409 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>

7.4 Menyalahgunakan Harta Secara Tidak Jujur

7.4.1 Huraian: Menyalahgunakan harta secara tidak jujur berlaku apabila seseorang individu mengambil atau menggunakan sesuatu harta untuk kegunaan sendiri ataupun menyebabkan seseorang melupuskan sesuatu harta.

7.4.2 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



7.4.3 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:



Hukuman	Akta
Penjara tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun dan sebatan dan denda	<i>Seksyen 403 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>

7.5 Pemalsuan

7.5.1 Huraian: Pemalsuan melibatkan perbuatan membuat suatu dokumen palsu, membuat tandatangan palsu, mengubah atau memadam sesuatu dokumen, memperdayakan seseorang untuk menandatangani atau mengubah sesuatu dokumen. Dokumen di sini adalah termasuk apa-apa rekod perakaunan atau kira-kira jabatan.

7.5.2 Pemalsuan juga berlaku apabila seseorang individu yang mengetahui bahawa sesuatu dokumen itu adalah palsu dan menggunakan dokumen itu untuk tujuan menipu.

7.5.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



7.5.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:


Hukuman	Akta
Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya	<i>Seksyen 463 dan Seksyen 471 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Penjara sehingga 20 tahun dan denda	<i>Seksyen 467 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Penjara sehingga 7 tahun dan denda	<i>Seksyen 468 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Penjara sehingga 7 tahun atau denda atau kedua-duanya	<i>Seksyen 477A Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>
Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak	<i>Manual Perolehan FELDA</i>

7.6 Penipuan

7.6.1 Huraian: Penipuan berlaku apabila seseorang individu telah memperdayakan mana-mana orang sehingga menyebabkan orang itu menyerahkan hartanya kepada individu tersebut atau kepada pihak lain. Harta di sini termasuklah apa-apa hartanah, wang, cagaran berharga dan sebagainya.


7.6.2 Penipuan juga berlaku apabila seseorang individu yang secara tidak jujur telah menyembunyikan suatu fakta atau pernyataan sehingga suatu harta diserahkan kepada individu tersebut atau kepada pihak lain. Penyembunyian ini ditakrifkan sebagai memperdayakan.

7.6.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Seorang individu secara tidak jujur tidak memasukkan fakta berkaitan risiko ketidaksesuaian tapak di dalam kertas cadangan projek pembinaan dan seterusnya kertas cadangan itu telah diluluskan oleh pihak pengurusan dan sejumlah wang telah dikeluarkan untuk projek pembinaan tersebut. Sekiranya fakta risiko itu dinyatakan, kertas cadangan itu tidak akan diluluskan dan sejumlah wang tersebut tidak akan dikeluarkan.

Contoh 2:
Seorang pembekal telah memasuki tender dengan memberikan contoh barang yang akan dibekalkan. Tetapi, apabila berjaya mendapat tender tersebut, pembekal berkenaan telah membekalkan barang yang berbeza kualiti dan spesifikasi daripada contoh barang tersebut.



7.6.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:



Hukuman	Akta
Penjara sehingga 5 tahun atau denda atau kedua-duanya	<i>Seksyen 415 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Penjara tidak kurang dari 1 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan sebatan dan denda	<i>Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>
Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak	<i>Manual Perolehan FELDA</i>

7.7 Pemusnahan Keterangan dan Dokumen

7.7.1 Huraian: Pemusnahan keterangan berlaku apabila seseorang individu menyebabkan suatu keterangan berkaitan kesalahan jenayah itu hilang ataupun memberikan apa-apa maklumat palsu berkaitan dengan kesalahan tersebut dengan tujuan untuk mengelakkan seorang pesalah daripada dikenakan hukuman undang-undang.

7.7.2 Pemusnahan dokumen pula berlaku apabila seseorang individu menyorokkan atau memusnahkan sesuatu dokumen yang menjadi suatu keterangan atau bukti di sisi undang-undang.

7.7.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



7.7.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tatatertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Penjara sehingga 3 tahun dan denda	<i>Seksyen 201 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Penjara sehingga 2 tahun atau denda atau kedua-duanya	<i>Seksyen 203 dan 204 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>

7.8 Pendedahan Maklumat


7.8.1 Huraian: Pendedahan maklumat berlaku apabila seorang individu yang memperolehi sesuatu maklumat rasmi jabatan telah mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak lain yang tidak sepatutnya menerima atau mengetahui maklumat itu.

7.8.2 Pendedahan maklumat juga berlaku apabila seorang individu yang menerima maklumat rasmi jabatan yang telah didedahkan seterusnya mendedahkannya pula kepada pihak lain yang tidak sepatutnya menerima atau mengetahui maklumat itu (*viral*).

7.8.3 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Seorang individu telah mendedahkan maklumat berkaitan minat mesyuarat Lembaga FELDA melalui emel kepada pihak lain yang tidak sepatutnya mengetahui maklumat tersebut.



Contoh 2:
Seorang individu yang menerima suatu maklumat jabatan yang telah didedahkan oleh seorang individu lain melalui aplikasi *WhatsApp* seterusnya telah menghantar maklumat itu (*forward*) kepada pihak lain pula yang tidak sepatutnya mengetahui maklumat tersebut.


7.8.4 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga 1 tahun atau kedua-duanya	<i>Seksyen 203A Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>


7.9 Persubahatan

7.9.1 Huraian: Persubahatan adalah perbuatan seperti menghasut atau mengarahkan seseorang individu untuk melakukan suatu kesalahan; atau seorang individu itu sendiri mengambil bahagian atau membantu dalam suatu kesalahan.

7.9.2 Contoh situasi kesalahan adalah seperti berikut:



Contoh 1:
Seorang kontraktor telah berpakat dengan seorang individu berjawatan Pengurus untuk menggunakan buruh ladang jabatan bagi melaksanakan kerja-kerja kontrak pembersihan pejabat yang mana sepatutnya disediakan oleh kontraktor berkenaan dan bukannya menggunakan buruh yang dibayar gaji oleh jabatan.



Contoh 2:
Seorang individu telah mengarahkan pegawai bawahannya untuk memalsukan dokumen pembayaran supaya pembayaran boleh dibuat kepada syarikat kontraktor yang merupakan rakannya.

7.9.3 Hukuman yang boleh dikenakan apabila disabitkan dengan kesalahan ini di bawah undang-undang dan tata tertib adalah seperti berikut:

Hukuman	Akta
Hukuman sama seperti yang diperuntukan bagi kesalahan itu	<i>Seksyen 28 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Seksyen 107 Kanun Keseksaan (Akta 574)</i>
Amaran sehingga buang kerja	<i>Peraturan 3(2), (f) dan (g) Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)</i>
Deposit tender dirampas sehingga tidak dibenarkan menyertai tender/diberi kerja kontrak	<i>Manual Perolehan FELDA</i>

8. PERATURAN BERKAITAN HADIAH

- 8.1 Hadiah seperti wang, tambang percuma, hiburan, hamper dan sebagainya tidak boleh diminta atau diterima oleh seseorang individu daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi individu tersebut. Hadiah juga tidak boleh diterima jika nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud ianya diberikan ataupun diminta dan diterima dengan niat rasuah atau niat jenayah.
- 8.2 Dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, seseorang individu itu boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan secara bertulis kepada ketua jabatan untuk mendapat kelulusan.
- 8.3 Peraturan berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah adalah sepertimana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998: Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam, Peraturan 7 Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) serta Kod Etika dan Tatalaku Petugas FELDA.

9. PERATURAN BERKAITAN KERAIAN DAN HIBURAN

- 9.1 Keraian seperti kehadiran di acara sosial, majlis makan tengah hari atau makan malam boleh diterima sekiranya ia tidak mempengaruhi pelaksanaan tugas rasmi seseorang individu dan tidak bertentangan dengan apa-apa peraturan sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- 9.2 Walau bagaimanapun, hiburan tidak boleh diminta atau diterima oleh seseorang individu daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi individu tersebut atau yang boleh menjejaskan reputasi Jabatan.
- 9.3 Peraturan berkaitan keraian dan hiburan adalah sepertimana Peraturan 8 Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) serta Kod Etika dan Tatalaku Petugas FELDA.

10. PERATURAN BERKAITAN PERMOHONAN TAJAAN ATAU SUMBANGAN OLEH KELAB SUKAN

- 10.1 Kelab Sukan dan Rekreasi FELDA tidak dibenarkan memohon atau menerima apa-apa tajaan atau sumbangan dalam apa-apa bentuk daripada mana-mana syarikat swasta atau orang awam yang mempunyai hubungan rasmi dengan FELDA. Larangan ini termasuklah aktiviti menjual meja majlis jamuan makan yang bertujuan untuk mengumpul dana (*fundraiser*). Larangan ini juga termasuk kepada Puspanita dan pihak berkepentingan dalam FELDA.
- 10.2 Bagaimanapun pengecualian diberikan untuk membuat permohonan sumbangan daripada mana-mana syarikat swasta atau orang awam yang tidak mempunyai hubungan rasmi dengan FELDA tetapi hendaklah dibuat menerusi Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) tertakluk kepada tiada sebarang unsur paksaan, tidak menimbulkan syak dan keraguan serta tidak mencemarkan nama baik jabatan.
- 10.3 Peraturan berkaitan permohonan tajaan atau sumbangan berkaitan sukan adalah sepertimana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998: Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam serta Garis Panduan Permohonan Kutipan Dan Penerimaan Hadiah / Sumbangan oleh Kelab Kebajikan dan Sukan Agensi Awam.

11. LIABILITI

11.1 Gagal Melapor Kesalahan Rasuah

- 11.1.1 Mana-mana individu yang diberikan, dijanjikan atau ditawarkan rasuah atau pun telah diminta rasuah hendaklah melaporkan perkara ini kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau pegawai polis. Kegagalan melapor tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan individu tersebut didakwa sebagai melakukan suatu kesalahan. Hukuman bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya; atau denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya; atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau denda atau kedua-duanya [Seksyen 25(1) dan 25(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); dan Seksyen 202 Kanun Keseksaan (Akta 574)].

11.2 Pemilikan Harta Berlebih-Lebihan

11.2.1 Mana-mana individu yang dikehendaki mengisytiharkan semua harta yang dimiliki olehnya atau yang dia mempunyai kepentingan di dalam atau di luar negara kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia boleh diminta untuk memberikan penjelasan kepada Suruhanjaya tersebut bagaimana individu berkenaan mampu memiliki harta yang dipercayai bersifat berlebih-lebihan. Sekiranya individu berkenaan gagal memberikan penjelasan yang memuaskan boleh menyebabkan individu tersebut didakwa sebagai melakukan suatu kesalahan. Hukuman bagi kesalahan ini ialah penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai harta berlebih-lebihan mengikut mana yang tinggi [Seksyen 36(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)].

11.3 Penyitaan dan Pelucuthakan Harta

11.3.1 Mana-mana wang, barangan atau apa-apa harta yang menjadi hal suatu kesalahan rasuah boleh disita dan dilucuthakan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan [Seksyen 33(1), 37(1), 38(1), 40(1) dan 41(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)].

11.3.2 Mana-mana harta yang diperolehi atau perniagaan yang dibuat dengan menggunakan hasil daripada kesalahan rasuah juga boleh disita dan dilucuthakan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan di bawah Seksyen 50(1), 51(1), 52(1), 55(1) dan 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

11.4 Kesalahan Di Luar Malaysia

11.4.1 Kesalahan rasuah dan penyelewengan, di mana berkenaan, yang dilakukan di luar negara adalah juga disifatkan sebagai menjadi suatu kesalahan seolah-olah ianya telah dilakukan di dalam negara, seperti mana yang diperuntukan di bawah Seksyen 66(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

11.5 Liabiliti Korporat (*Corporate Liability*)

- 11.5.1 Mana-mana syarikat perniagaan boleh disabitkan dengan kesalahan rasuah sekiranya mana-mana individu yang bekerja atau bersekutu dengan syarikat tersebut memberikan, menjanjikan atau menawarkan rasuah kepada mana-mana orang untuk manfaat syarikat tersebut seperti untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan [Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)].
- 11.5.2 Sekiranya syarikat milik FELDA beroperasi di luar negara atau mempunyai pejabat cawangan di luar negara dan sekiranya mana-mana individu yang bekerja atau bersekutu dengan syarikat itu melakukan kesalahan rasuah untuk manfaat syarikat itu maka syarikat tersebut boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah undang-undang negara berkenaan seperti UK Bribery Act 2010 dan lain-lain.

12. PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU RASUAH DAN PENYELEWENGAN

12.1 Tolak

- 12.1.1 Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran, pemberian atau permintaan rasuah itu. Berikutnya, individu tersebut hendaklah dengan segera melaporkan perkara ini kepada ketua jabatan dan mana-mana pegawai Unit Integriti FELDA.
- 12.1.2 Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasannya untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan rasuah dan penyelewengan ataupun sesuatu perbuatan yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, maka individu tersebut hendaklah menolak arahan berkenaan dan dengan segera melaporkan perkara ini kepada pegawai yang lebih atas dan mana-mana pegawai Unit Integriti FELDA.

12.2 Laporkan

- 12.2.1 Mana-mana individu yang mengetahui suatu kesalahan rasuah atau penyelewengan telah, sedang atau dipercayai akan berlaku hendaklah juga dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada ketua jabatan dan mana-mana pegawai Unit Integriti FELDA.

- 12.2.2 Sekiranya mana-mana individu diberitahu oleh mana-mana pihak berkaitan berlakunya perbuatan rasuah atau penyelewengan, maka individu tersebut hendaklah dengan segera juga melaporkan kesalahan tersebut kepada ketua jabatan dan mana-mana pegawai Unit Integriti FELDA.
- 12.2.3 Pelaporan boleh dibuat sama ada melalui saluran Polisi Pemberi Maklumat FELDA (*Whistleblowing Policy*) ataupun seperti di bawah ini:
- a) Pengerusi
Jawatankuasa Governans Lembaga
Tingkat 49, Menara FELDA
Platinum Park, No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
 - b) Ketua Unit Integriti
Tingkat 34, Menara FELDA
Platinum Park, No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
 - c) whistleblowingfelda@felda.net.my
 - d) Telefon talian *whistleblowing* 03-2191 2214 atau 03-2191 2150/2027.
- 12.2.4 Nasihat dan panduan sewajarnya akan diberikan oleh Unit Integriti berkaitan perkara yang dilaporkan.

12.3 Diam

- 12.3.1 Mana-mana individu yang telah membuat pelaporan berkaitan kesalahan rasuah dan penyelewengan hendaklah tidak mendedahkan pelaporan berkenaan kepada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan bagi memastikan dan melindungi apa-apa keterangan dan bahan bukti berkaitan kesalahan tersebut daripada terjejas atau dimusnahkan.
- 12.3.2 Individu berkenaan juga hendaklah turut merahsiakan identiti dan butiran mengenai pihak yang memberitahu kepadanya berkaitan suatu kesalahan rasuah dan penyelewengan itu daripada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan untuk melindungi pemberitahu itu daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.

13. PENUTUP

- 13.1 Rasuah dan penyelewengan menyebabkan berlakunya ketirisan dan pembaziran di dalam organisasi serta bertentangan dengan nilai teras utama FELDA. Pelaku-pelaku rasuah dan penyelewengan berhadapan dengan risiko disabitkan dengan hukuman di bawah undang-undang seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), Akta Persaingan 2010 (Akta 712) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).
- 13.2 Selain itu, pelaku-pelaku rasuah dan penyelewengan juga berhadapan dengan risiko disabitkan dengan hukuman tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dan Manual Perolehan FELDA.
- 13.3 Setiap individu bukan sahaja perlu menolak dan menghindari perbuatan rasuah dan penyelewengan tetapi juga hendaklah melaporkan kesalahan tersebut supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membendung kesalahan ini daripada berleluasa di dalam organisasi.

Disediakan oleh:
UNIT INTEGRITI FELDA
TINGKAT 34, MENARA FELDA,
PLATINUM PARK,
NO.11, PERSIARAN KLCC,
50088 KUALA LUMPUR

03-2191 2214

whistleblowingfelda@felda.net.my